

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PEPERIKSAAN SEMESTER KEDUA
SESSI AKADEMIK 1996/97

APRIL 1997

FCP 453: FARMASI MASYARAKAT

MASA: (3 JAM)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan 22 muka surat yang bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

307
KOD

INDEX NO.: _____

(FCP 453)

Bahagian A

Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (/) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

A. Biasanya sesuatu teratogen akan menyebabkan keguguran apabila digunakan pada

- (a) minggu pertama - kedua kehamilan.
- (b) minggu ketiga - kesepuluh kehamilan.
- (c) minggu kesepuluh - ke tiga puluh lapan kehamilan.
- (d) hampir dengan masa kelahiran.

B. Apabila sesuatu drug itu mempunyai bukti nyata menyebabkan risiko pada fetus tetapi boleh digunakan pada keadaan yang mengancam nyawa ibu, ia dikelaskan di bawah faktor risiko

- (a) B.
- (b) C.
- (c) D.
- (d) X

...3/-

INDEX NO.: _____

(FCP 453)

C. Pilihan utama analgesik bagi wanita yang hamil 34 minggu ialah
.....

- (a) aspirin.
- (b) parasetamol.
- (c) ibuprofen.
- (d) naproksen.

D. Yang mana di antara antihistamin berikut dikontraindikasikan bagi wanita hamil disebabkan kecacatan pada bayi dalam kandungan?

- (a) Dimenhidrinat.
- (b) Promazin.
- (c) Klorfeniramin.
- (d) Meklizin.

E. Yang mana di antara vitamin berikut dapat menyebabkan kecacatan urogenital bayi jika digunakan dengan dos yang melebihi RDA semasa seorang wanita itu hamil?

- (a) Vitamin A.
- (b) Vitamin B.
- (c) Vitamin D.
- (d) Vitamin K.

...4/-

INDEX NO.: _____

(FCP 453)

F. Antidiarea pilihan bagi wanita hamil ialah

- (a) bisakodil.
- (b) minyak galian.
- (c) dokusat.
- (d) metamusil.

G. Pilih kenyataan yang tidak benar mengenai rawatan akne.

- (a) Kepekatan sulfur yang selalu digunakan dalam produk OTC adalah anantara 2 - 10%.
- (b) Asid salisilik boleh memberikan kesan warna dan bau yang tidak enak.
- (c) Kepekatan benzoil peroksida yang selalu digunakan dalam produk OTC adalah antara 2.5 - 10%.
- (d) Penggunaan benzoil peroksida boleh menyebabkan pelenturan warna pakaian.

H. Yang mana antara berikut bukan merupakan faktor penyumbang terjadinya akne?

- (a) Prednisolon.
- (b) Kosmetik.
- (c) Karbamazepin.
- (d) Kekacang.

...5/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

I. Pilih kenyataan yang benar mengenai ciri-ciri agen farmakologik topikal bagi rawatan akne.

- (a) Benzoil peroksida mempunyai kesan antibakteria dan kesan iritan.
- (b) Tretinoin mempunyai kesan antiinflamatori dan komedolitik.
- (c) Klindamisin dan eritromisin mempunyai kesan antibakteria dan kesan iritan.
- (d) Asid salisilik mempunyai kesan pengasidan dan komedolitik.

J. Anggaran keperluan sediaan krim yang diperlukan untuk kegunaan tiga kali sehari untuk satu minggu bagi kawasan paha adalah:

- (a) 50 gram.
- (b) 100 gram.
- (c) 200 gram.
- (d) 300 gram.

...6/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

K. Pilih kenyataan yang benar berkenaan dengan rawatan hemaroid dengan agen anestetik lokal.

- (a) Ia bertindak dengan menghalang penghantaran impuls ke kawasan terlibat.
- (b) Ia berguna bagi mengurangkan pendarahan dan melegakan kegatalan.
- (c) Rawatan minima menggunakan agen tersebut adalah dua minggu.
- (d) Ia sesuai digunakan di bahagian rektum.

L. Kajian menunjukkan bahawa kemuncak umur terjadinya akne bagi perempuan adalah..

- (a) 13 tahun.
- (b) 14 tahun.
- (c) 15 tahun.
- (d) 16 tahun.

M. Dalam jangka hayat pertama kanak-kanak,

- I. sistem gastrousus masih belum sempurna.
- II. sistem-sistem ginjal dan ketahanan masih belum sempurna.
- III. berat badan meningkat dua kali ganda dalam 4 bulan pertama.
- IV. sistem-sistem gastrousus, ginjal dan ketahanan telah terbentuk dengan sempurna.

...7/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

N. Pilih pernyataan-pernyataan yang benar.

- I. Pada neonat dan bayi, ubat-ubatan yang diberi secara oral akan mengalami waktu transit yang lebih singkat di usus.
- II. Luas permukaan kulit bayi adalah lebih kecil.
- III. Penyerapan ubat-ubatan yang diberi secara rektal adalah sama pada bayi maupun dewasa.
- IV. Isipadu taburan pada neonat adalah jauh lebih kecil berbanding dengan golongan dewasa.

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

...8/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

O. Avon Longitudinal Study of Pregnancy and Childhood (1 Julai 1991
- 30 Jun 1992).....

- I. menyatakan 96% daripada ibu-ibu melaporkan bahawa anak-anak mereka telah diberi ubat-ubatan selain vaksin dalam 6 bulan pertama hayat mereka.
- II. merupakan suatu penyelidikan berbentuk kohort.
- III. adalah bertujuan mendapatkan anggaran jumlah kanak-kanak yang didedahkan kepada ubat-ubatan, dan kemungkinan kesan sampingannya.
- IV. mendapati bahawa 30% daripada kanak-kanak berkenaan telah diberi antibiotik manakala 84% telah diberi paracetamol.

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

...9/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

P. Beberapa perkara yang perlu diingat apabila menasihati pelanggan kedai farmasi anda tentang ruam lampin yang dialami oleh bayinya yang berumur 6 bulan ialah:

- I. untuk ruam lampin yang tidak teruk, langkah paling tepat ialah menukar lampin dengan segera atau sebaik sahaja ianya dibasahi najis.
- II. pastikan kawasan kulit yang terkena lampin adalah betul-betul kering sebelum dipakaikan lampin yang baru.
- III. elakkan penggunaan sabun dan tisu basah komersil kerana bahan kimianya mungkin menimbulkan alahan, sebaliknya gunalah air biasa.
- IV. zink oksida dan parafin lunak mampu membentuk lapisan pelindung pada kulit bayi sehingga melindungi dari terkena kelembapan.

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

Q. Penggunaan ubat-ubatan tanpa preskripsi pada golongan pediatrik perlu mengambil kira beberapa faktor termasuk:

- I. perbezaan farmakokinetik antara pesakit pediatrik dan dewasa.
- II. harga ubat OTC tersebut.
- III. cara pemberian ubat.
- IV. pengaruh atau kesan dari penyakit-penyakit lain.

...10/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

R. Pilih pernyataan-pernyataan yang benar ...

- I. antara gejala-gejala jangkitan cacing yang teruk ialah gangguan perut, tidak lalu makan, kesakitan yang teruk, prolapse pada bahagian dubur, dan laluan najis tersumbat.
- II. *trichuris trichiura* juga dikenali sebagai cacing kerawit (whipworm) dan mampu bertahan tanpa dikesan selama bertahun-tahun dalam usus host.
- III. mebendazol atau albendazol berkesan untuk kebanyakan jangkitan cacing seperti *Trichuriasis*, *Hookworm*, *Enterobiasis* dan *Ascariasis*.
- IV. kitaran hayat *Ascaris lumbricoides* merangkumi manusia dan haiwan.

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) dan (IV) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

...11/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

S. Yang mana di antara pernyataan berikut berkenaan pengadaaan syarikat adalah benar?

- (a) Pendaftaran Syarikat kongsi hendaklah dilakukan di Pendaftar syarikat.
- (b) Menamakan sesebuah syarikat hendaklah mendapat kelulusan Pendaftar Syarikat.
- (c) Syarikat Sendirian Berhad tidak diwajibkan menghantar laporan Audit ke ROC dan hanya menyimpan untuk rujukan apabila diperlukan.
- (d) Jumlah pekongsi di dalam syarikat sendirian boleh dilakukan dengan sebanyak mana yang mampu dan tiada hadnya.

T. Yang mana di antara pernyataan berikut berkenaan lokasi perniagaan adalah betul?

- (a) Kesibukan kenderaan trafik merupakan salah satu contoh baik bagi mengenalpasti lokasi yang betul.
- (b) Adanya fisikal asas berhampiran sesebuah farmasi tidak mempengaruhi jumlah pelanggan ke farmasi tersebut.
- (c) Tinjauan setiap kawasan hendaklah juga dilakukan pada waktu malam bagi mengenalpasti kesibukan kawasan berkenaan.
- (d) Kadar sewaan tapak perniagaan serta tempoh sewaan dan deposit tidak termasuk di dalam kos perniagaan.

...12/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

- U. Yang mana di antara berikut tentang struktur dan pengadaan syarikat adalah benar?
- (a) Pemegang lesen A hanya perlu membuat permohonan kepada bahagian Farmasi Negeri sekali sahaja dan tidak payah diperbaharui untuk tahun hadapan.
 - (b) Permohonan untuk mendapat Lesen Pemborong hendaklah dibuat kepada Biro Kawalan Dadah Kebangsaan dan bukan kepada Pegawai Farmasi Negeri.
 - (c) Setiap inbois yang mempunyai barangan racun perlu mendapat sign dan cop dari penerima yang bertauliah dalam masa 7 hari dari tarikh penghantaran.
 - (d) Struktur Francais adalah sama dengan sistem farmasi lain kecuali di setiap farmasi francais sistem pengurusan adalah lebih terkawal dan sistemik.
- V. Yang mana di antara berikut tidak benar mengenai rinitis alahan (alergik rhinitis)?
- I. Mempunyai sejarah keluarga yang berkaitan dengan asma atau ekzema.
 - II. Jangka masa simptom biasanya selama 7 hari.
 - III. Biasanya dihasilkan oleh bahan-bahan alergen.
 - IV. Ianya boleh berlaku pada setiap peringkat umur tetapi lebih kerap berlaku pada kanak-kanak dan remaja.

...13/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (II) sahaja.
- (c) (I), (II) dan (III) sahaja.
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

W. Agen simpatomimetik secara oral dikontraindikasikan dalam keadaan.....

- I. hipertensi.
- II. penyakit jantung.
- III. glukoma.
- IV. hipertiroidism.
- V. diabetes.

- (a) (I), (II), (IV) dan (V).
- (b) (I), (III), (IV) dan (V).
- (c) (II), (III), (IV) dan (V).
- (d) (I), (II), (III) dan (IV).

X. Yang mana di antara berikut bukannya disebabkan oleh jangkitan dibahagian telinga?

- I. Masalah tahi telinga.
- II. Telinga tersumbat.
- III. Otitis eksterna.
- IV. Otitis media.

...14/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 453)

- (a) (I) dan (III) sahaja.
- (b) (I) dan (II) sahaja.
- (c) (II) dan (IV) sahaja.
- (d) (II) dan (III) sahaja.

Y. Hidung tersumbat terjadi semasa selesema kerana

- (a) gerak balas alahan yang disebabkan oleh alergen.
- (b) bersin yang kerap.
- (c) jangkitan bakteria.
- (d) pengenduran salur darah dalam mukosa hidung.

(25 Markah)

...15/-

Bahagian B

Soalan 2A

(I) Terangkan maksud swa-pengubatan.

(2 Markah)

(II) Seorang pelanggan telah datang menemui anda di kedai farmasi untuk membeli ubat.

Bincangkan bagaimana anda menjalani proses konsultasi dengan pelanggan itu.

(10 Markah)

...16/-

Soalan 2B

Farmasi Axhmar (sole proprietor) telah beroperasi selama 3 tahun (genap) dengan perolehan sebanyak RM 60,000 sebulan. Farmasi Axhmar ingin mendaftarkannya di bawah syarikat Sdn. Bhd. dengan 2 orang rakan kongsi yang lain. Sebelum hasrat itu dapat dilaksanakan, Tuan Empunya Farmasi Axhmar mendapati bahawa disebalik pulangan yang lumayan Farmasi Axhmar masih lagi mengalami kerugian.

Perkara	Bulan (RM)	Tahun (RM)
Perolehan sebulan	60,000.00	720,000.00
Kos bahan-bahan	45,000.00	540,000.00
Untung kasar	<u>15,000.00</u>	<u>180,000.00</u>
Kos pembiayaan: (secara kasar)		
Bayaran gaji kakitangan sebulan	2,000.00	24,000.00
Bayaran sewa sebulan	5,000.00	60,000.00
Bayaran pinjaman bank	4,000.00	48,000.00
Bayaran pinjaman kenderaan	2,000.00	24,000.00
Bayaran bil-bil telefon, air dan elektrik	1,500.00	18,000.00
Pembiayaan saraan hidup	3,000.00	36,000.00
Lain-lain hal	1,500.00	18,000.00
	<u>19,000.00</u>	<u>228,000.00</u>
Untung/rugi	4,000.00	48,000.00

...17/-

(FCP 453)

- (I) Apakah langkah yang harus diambil untuk meningkatkan perolehan?
- (II) Berapakah jumlah perolehan yang harus diperolehi supaya melepasi tahap 'Break-even-point'?
- (III) Kadar pinjaman Bank secara mudharabah ialah sebanyak RM 4,000.00 sebulan selama 60 bulan. Berapakah baki pinjaman yang harus dibayar oleh Farmasi Axhmar?

(13 Markah)

Soalan 3

- A. Bincangkan peranan seorang ahli farmasi komuniti dalam rawatan akne dari segi objektif pengubatan, pemilihan produk dan kaunseling pesakit.

(10 Markah)

- B. Bincangkan simptom-simptom hemaroid dan nyatakan simptom-simptom yang tidak boleh dirawat secara swa-pengubatan.

(5 Markah)

...18/-

(FCP 453)

- C. Senaraikan drug-drug yang berupaya untuk menyebabkan akne.

(5 Markah)

- D. Nyatakan satu contoh bagi setiap jenis sediaan OTC (beserta kandungan bahan aktifnya) untuk rawatan akne dan hemaroid.

(5 Markah)

Soalan 4

- A. Dalam golongan pediatrik, keperluan kepada bahan nutrisi berubah-ubah dari peringkat bayi hingga menjelang belasan tahun. Sila rumuskan amalan-amalan pemakanan yang disyorkan terutama sepanjang 2 tahun hayat pertama dan keunggulan susu ibu berbanding susu rumusan bayi.

(12.5 Markah)

...19/-

(FCP 453)

- B. Seorang ibu menjelaskan bahawa anaknya yang berumur 3 tahun akhir-akhir ini sering gelisah dan sukar nyenyak tidur pada waktu malam. Anaknya juga sering menggaru di bahagian duburnya, dan apabila diamati pada malam sebelum berkunjung ke HUSM, ibunya mendapati terdapat cacing-cacing halus.

Pengamal perubatan di Klinik Perubatan Masyarakat telah meminta khidmat profesional anda sebagai Ahli Farmasi untuk mencadangkan suatu rawatan yang sesuai serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah penyerebakan jangkitan cacing tersebut. Apakah nasihat anda dan bagaimanakah cara untuk mendiagnosa jangkitan cacing di atas?

(12.5 Markah)

Soalan 5

Terangkan jenis-jenis kaedah kontraseptif dan contoh-contohnya serta senaraikan kebaikan dan keburukan bagi setiap kaedah tersebut.

(25 Markah)

...20/-

Appendix

Normal Laboratory Values

1.	Ammonia	80 -110 µg/dl or	47-65 µmol/L
2.	Amylase	4-25 IU/ml	
3.	Bilirubin		
	- Direct	0.1 - 0.4 mg/dL	1.7-6.8 µmol/L
	- Indirect	0.2 - 0.7 mg/dl	3.4 - 12 µmol/L
	- Total	0.3 - 1.1 mg/dl	5.1 - 19 µmol/L
4.	CO ₂	24 - 30 mEq/L	24 - 30 mmol/L
5.	pCO ₂	35 45 mmHg	
6.	Chloride	100 - 106 mEq/L	100 - 106 mmol/L
7.	CPK	12-80 U/L	
8.	Creatinine (S _{cr})	0.6 - 1.5 mg/dl	60 - 130 µmol/L
9.	Random blood sugar	70 - 110 mg/dl	3 - 10 mmol/L
10.	Iron	75 - 175 µg/dl	13 - 31 µmol/L
11.	Lactic dehydrogenate	70 - 210 milliunits/ml	
12.	Magnesium	1.5 - 2.0 mEq/L	0.8 - 1.3 mmol/L

...21/-

13.	pO ₂	75 - 100 mmHg	
14.	pH	7.35 - 7.45	
15.	Acid phosphatase		
	Male	0.13 - 0.63 IU/ml	
	Female	0.101 - 0.65 IU/ml	
16.	Alkaline phosphatase	39 - 117 IU/L	
17.	Phosphorous	3.0 - 4.5 mg/dL	1.0 - 1.5 mmol/L
18.	Potassium (K ⁺)	3.5 - 5.0 mEq/L	3.5 - 5.0 mmol/L
19.	Calcium (Ca ²⁺)	8.5 - 10.5 mg/dL	2.1 - 2.6 mmol/L
20.	Sodium (Na ⁺)	135 - 145 mEq/L	135 - 145 mmol/L
21.	Bicarbonate (HCO ₃ ⁻)	24 - 38 mEq/L	24 - 28 mmol/L
22.	Protein		
	- Total	6.0 - 8.5 g/dL	60 - 85 g/L
	- Albumin	3.5 - 5.0 g/dL	35 - 50 g/L
	- Globulin	2.3 - 3.5 g/dL	23 - 35 g/L
	- Transferrin	200 - 400 mg/dL	2.0 - 9.0 g/L
23.	Transaminase (SGOT)	0 - 40 IU/L	0 - 0.32 μmol s ⁻¹ /L
24.	Blood Urea	21 - 43 mg/dL	3.5 - 7.3 mmol/L
25.	Uric Acid	3 - 7 mg/dL	0.18 - 0.42 mmol/L

...22/-

26.	Blood Pictures		
	Red blood cell (RBC)		
	Male		4.8 - 6.4 x 10 ⁶ /mm ³
	Female		4.2 - 5.4 x 10 ⁶ /mm ³
	White blood cell (WBC)		4.0 - 11.0 x 10 ³ /mm ³
	P		60 - 75%
	L		20 - 40%
	M		4 - 8%
	B		0 - 1%
	E		1 - 3%
	Platelet (Plt)		200 - 400 x 10 ³ /mm ³
27.	ESR	Male	0 - 10 mm/hour (Wintrobe)
		Female	0 - 15 mm/hour (Wintrobe)
28.	Hematocrit	Male	45 - 52%
		Female	37 - 48%
29.	Hemoglobin (Hb)	Male	13 - 18 g/dL
		Female	12 - 16 g/dL
30.	Prothrombin time (PT)		75 - 100% base value
31.	APTT		25 - 37 second
32.	Creatinine Clearance (CrCl)		105 - 150 ml/min./1.73 m ²
33.	TT ₄		3.0 - 7.5 µg/dl
34.	RT ₃ U		25 - 35%
35.	FTI		1.3 - 4.2
36.	Digoxin		0.9 - 2.0 ng/ml